

THE ROLE OF THE SULTAN/RULER IN ISLAMIC RELIGIOUS AFFAIRS UNDER MALAYSIAN LAW

PERANAN SULTAN/RAJA TERHADAP HAL EHWAL AGAMA ISLAM MENURUT PERUNDANGAN DI MALAYSIA

Mohamad Afandi Ismailⁱ, Muhamad Hasif Yahayaⁱⁱ, Muhammad Najib Abd Wakilⁱⁱⁱ,
Rafeah@Rapengah Saidon^{iv}, Ikmal Hafiz Jamal^v & Mariam Abdul Rahman^{vi}

- ⁱ (*Corresponding author*). Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM). mohamadafandi@uitm.edu.my
ⁱⁱ Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM). mohamadafandi@uitm.edu.my
ⁱⁱⁱ Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM). mohamadafandi@uitm.edu.my
^{iv} Profesor Madya, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM). mohamadafandi@uitm.edu.my
^v Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM). mohamadafandi@uitm.edu.my
^{vi} Pensyarah, Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA). mariam.rahman@unissa.edu.bn

Article Progress

Received: 18 August 2025

Revised: 21 October 2025

Accepted: 30 December 2025

Abstract	<p><i>Malaysia is a constitutional monarchy with the coexistence of two legal systems: civil law and Shariah law. Under the Federal Constitution, the Malay Rulers or Sultans are vested with authority over matters related to Islam, serving as the heads of Islam in their respective states. Nevertheless, several incidents in the country have revealed that segments of society still lack a clear understanding of the role of the monarchy in Islamic affairs. This study aims to examine the legal provisions governing the authority of the Sultans or Rulers in relation to Islamic matters. Employing a qualitative approach, the analysis focuses on primary documents, including the Federal Constitution, state-level Islamic Administration Enactments, and selected judicial decisions that address relevant issues. A review of existing scholarly works was also conducted to strengthen the findings. The study reveals that the role of the Sultans extends beyond symbolic representation; it encompasses technical and critical functions, including the formulation of Islamic administrative policies and the enactment of Islamic laws within their states. Overall, the Sultans hold absolute authority as custodians of Islam, positioning the monarchy as the guardian of Islamic sanctity and values in Malaysia. The implications of this study provide a comprehensive understanding of the nexus between constitutional monarchy, religion, governance, and the legal framework in Malaysia.</i></p> <p>Keywords: Role, Function, Malay Rulers, Islam, Constitution.</p>
Abstrak	<p><i>Malaysia adalah sebuah negara yang mengamalkan sistem Raja Berpelembagaan dengan pelaksanaan dua sistem perundangan iaitu undang-undang sivil dan Syariah. Sebagai seorang Raja atau Sultan, Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan kuasa bagi perkara yang berkaitan dengan</i></p>

agama Islam kepada Raja atau Sultan bagi setiap negeri sebagai ketua bagi agama Islam. Namun begitu, beberapa peristiwa yang telah berlaku dalam negara ini, menunjukkan terdapat segelintir masyarakat yang kurang memahami peranan Sultan atau Raja terkait hal ehwal agama Islam. Maka, kajian ini bertujuan meneliti peranan Sultan atau Raja terhadap hal ehwal agama Islam menurut peruntukan undang-undang yang ada. Melalui kajian secara kualitatif, analisis akan dilaksanakan terhadap dokumen utama meliputi Perlembagaan Persekutuan, Enakmen Pentadbiran Agama Islam di setiap negeri, serta tinjauan terhadap beberapa kes mahkamah yang telah diputuskan menyentuh tentang hal terbabit. Penelitian kepada beberapa penulisan lepas yang berkait juga akan dilaksanakan bagi mengukuhkan dapatan kajian. Hasil kajian menyatakan bahawa Sultan atau Raja mempunyai fungsi yang luas dalam hal ehwal Islam, yang bukan semata-mata bersifat simbolik malah fungsi yang dimainkan adalah bersifat teknikal dan kritikal meliputi aspek pembinaan dasar pentadbiran dan penggubalan undang-undang Islam di dalam negeri. Secara keseluruhannya, Sultan atau Raja memiliki kuasa mutlak sebagai penjaga agama Islam dan menjadikan institusi beraja di Malaysia sebagai penaung dalam memelihara kesucian agama Islam dan nilai-nilai yang terkandung dalamnya. Implikasi kajian ini memberikan suatu kefahaman yang menyeluruh berhubung hubungan antara sistem Raja Berpelembagaan dengan aspek agama, sistem pemerintahan dan perundangan bagi negara Malaysia.

Kata kunci: Peranan, Fungsi, Sultan, Islam, Perlembagaan.

PENDAHULUAN

Institusi beraja di Malaysia mempunyai sejarah yang panjang dan signifikan, khususnya dalam hal ehwal agama Islam. Dalam konteks sistem pemerintahan dan perundangan di Malaysia, Sultan atau Raja bukan hanya berfungsi sebagai lambang kedaulatan negeri, tetapi juga memainkan peranan penting dalam mengekalkan kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan, seperti yang termaktub dalam Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan (Kambol, 2024).

Di setiap negeri yang beraja, Sultan dan Raja diiktiraf sebagai Ketua Agama Islam, yang bertanggungjawab atas pentadbiran agama dan penggubalan dasar-dasar keagamaan, selain menegakkan undang-undang syariah melalui institusi agama yang ditubuhkan (Muslim, 2014). Peranan ini tidak hanya terangkum dalam aspek keagamaan, malah turut berkait dengan kestabilan sosio-politik serta pembinaan identiti dan nilai Islam dalam masyarakat Malaysia yang pelbagai.

Perubahan sosial dan pengaruh globalisasi membawa cabaran besar yang menuntut peranan Sultan atau Raja sebagai Ketua Agama Islam itu sangat diperlukan bagi memastikan kelangsungan nilai-nilai Islam dan pengamalannya selaras dengan keperluan masyarakat semasa. Kedudukan institusi beraja dilihat jelas dalam menjaga kesucian agama Islam dan membina dasar sesuai bagi mewujudkan keharmonian agama serta perpaduan dalam kalangan rakyat pelbagai.

Secara dasarnya, penulisan ini akan membincangkan secara komprehensif berkait peranan Sultan atau Raja terhadap hal ehwal agama Islam menurut peruntukan undang-undang yang ada, merangkumi kuasa-kuasa yang termaktub di bawah Perlembagaan Persekutuan, serta Enakmen Pentadbiran Agama Islam negeri-negeri. Signifikannya adalah untuk memberi pendedahan dan menambah kefahaman masyarakat tentang hubungan antara sistem Raja Berpelembagaan dengan aspek agama, sistem pemerintahan dan perundangan bagi negara Malaysia.

SOROTAN LITERARUR

Kajian mengenai peranan Sultan atau Raja dalam hal ehwal agama Islam di Malaysia telah menarik perhatian para penyelidik dalam konteks perundangan, politik, dan sosial. Kedudukan Sultan sebagai Ketua Agama Islam yang sah di negeri-negeri beraja di Malaysia memberikan mereka kuasa dalam hal-hal keagamaan, termasuk pelaksanaan undang-undang syariah, pengurusan institusi agama, dan pembentukan dasar-dasar keagamaan.

Beberapa kajian terkini menawarkan perspektif berharga tentang peranan dan cabaran institusi beraja dalam memastikan kelestarian agama Islam dalam konteks negara yang semakin moden. Tinjauan literatur ini akan membincangkan perspektif utama dalam penulisan tempatan dan antarabangsa tentang peranan institusi beraja dalam mengekalkan keutuhan agama Islam dalam konteks moden Malaysia.

Kambol (2024) menekankan kepentingan Sultan dalam mengekalkan kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan di Malaysia. Menurut beliau, walaupun kuasa Sultan lebih berfokus pada aspek keagamaan, peranan mereka turut memberi kesan yang luas terhadap kestabilan sosio-politik negara. Muslim (2014) menyokong pandangan ini dengan meneliti bagaimana institusi beraja mempengaruhi polisi Islam di Malaysia melalui mekanisme undang-undang dan pentadbiran.

Bahari mendapati bahawa Sultan atau Raja berperanan penting dalam mengekalkan keharmonian agama dengan mengadaptasi dasar-dasar keagamaan yang selaras dengan kehendak masyarakat majmuk. Shuaib, (2008) dan Dimon (2020) pula memberi fokus kepada pentadbiran Islam dan struktur undang-undang syariah di peringkat negeri, menunjukkan bahawa kuasa Sultan dalam hal ehwal agama Islam bukan hanya simbolik tetapi juga praktikal dan kritikal dalam memastikan kepatuhan undang-undang Islam.

Penulisan tersebut mendapati bahawa penggubalan dan penguatkuasaan undang-undang Islam di negeri-negeri beraja memberi ruang kepada Sultan untuk memainkan peranan langsung dalam aspek-aspek yang melibatkan kepercayaan dan amalan umat Islam di Malaysia. Dalam konteks cabaran globalisasi Zawawi Ibrahim (2020) menyoroti bagaimana perubahan sosio-ekonomi dan pertembungan nilai antara budaya moden dan tradisional menuntut Sultan atau Raja untuk mengekalkan kedudukan mereka di negeri masing-masing dan mengimbangi tuntutan agama dengan keperluan perubahan.

Hal ini memberi penegasan bahawa peranan Sultan dalam memimpin hala tuju keagamaan Malaysia adalah kritikal bagi mengekalkan identiti Islam yang kukuh, walaupun berhadapan dengan cabaran dari segi penafsiran undang-undang Islam yang lebih liberal (Hanif, 2007). Ahmad Shazrin Mohamed Azmi (2018) turut membincangkan aspek hubungan kerajaan negeri dan Persekutuan dalam pentadbiran agama Islam, dengan memberikan penekanan terhadap perbezaan dalam struktur pentadbiran dan bidang kuasa antara negeri.

Mereka mencadangkan bahawa struktur perundangan yang lebih komprehensif dan menyeluruh diperlukan bagi memastikan keharmonian hubungan antara kedua-dua pihak, khususnya dalam aspek pentadbiran agama yang melibatkan Sultan sebagai Ketua Agama Islam. Menurut Mohd Kamal (2007), institusi beraja di Malaysia adalah unik kerana peranannya bukan sekadar sebagai simbol kedaulatan negeri, tetapi juga sebagai penjaga agama Islam.

Penulis ini menekankan bahawa kuasa Sultan dalam hal ehwal agama Islam memberi mereka peranan kritikal dalam memastikan keutuhan Islam sebagai agama Persekutuan. Begitu juga, kajian oleh Shamrahayu A. Aziz. (2013) memberi perhatian kepada bagaimana Sultan berperanan dalam mempertahankan undang-undang dan dasar-dasar keagamaan di peringkat negeri, di samping memastikan kepentingan Islam tetap terpelihara di tengah-tengah kepelbagaian budaya dan agama di Malaysia.

Dalam kajian yang lain, Hasyim et, al (2017) membincangkan peranan Sultan dalam konteks pentadbiran dan kehakiman Islam. Mereka mendapati bahawa Sultan sebagai Ketua Agama Islam turut terlibat dalam menetapkan hala tuju institusi-institusi agama dan dasar-dasar yang berkaitan dengan keagamaan termasuk kehakiman. Menurut mereka,

Sultan bukan sahaja berperanan dalam pentadbiran Islam tetapi juga dalam menangani cabaran yang berkaitan dengan penentuan keadilan dalam Islam.

Selain itu, penulisan oleh (Dimon, 2023) mengetengahkan berkenaan dengan peranan raja-raja Melayu sebagai ketua agama Islam dalam konteks perundangan di Malaysia dengan tumpuan kepada peranan Sultan Selangor dalam menangani isu-isu pengurusan masjid dan zakat di negeri Selangor. Walaupun kajian ini memberi fokus kepada satu negeri sahaja, namun secara keseluruhan ia memaparkan peranan dan fungsi yang sama dimainkan oleh Sultan atau Raja di negeri-negeri yang lain.

Hasil kajian menyatakan bahawa raja-raja mempunyai peranan yang sangat penting dan dijamin kedudukannya sebagai ketua agama Islam. Peranan ini mencerminkan kuasa dan tanggungjawab raja-raja terhadap agama Islam di peringkat negeri dan menggambarkan kepentingan peranan serta status turun temurun raja-raja dalam menjaga dan mempertahankan agama Islam agar sentiasa selamat, terpelihara, dan dihormati dalam pelbagai keadaan.

Che Pa (2012) pula mengkaji peranan institusi beraja dalam penyebaran dan mengekalkan kedudukan agama Islam di Nusantara. Menurut beliau, tekanan daripada globalisasi, perubahan sosial, dan pengaruh luar memerlukan Sultan untuk lebih proaktif dalam menjaga dan mempertahankan nilai-nilai Islam yang sesuai dengan konteks tempatan. Dalam hal ini, Sultan memainkan peranan penting dalam memastikan bahawa agama Islam diurus dan ditadbir dengan bijak, agar sesuai dengan perkembangan semasa tanpa mengabaikan prinsip-prinsip asas agama.

Akhir sekali, kajian (Muhammad Ikhlas Rosele, 2018) menyentuh peranan Sultan dalam perkembangan Islam di Pahang. Mereka berpendapat bahawa walaupun Sultan atau Raja mempunyai peranan yang terhad dalam pentadbiran awam, kuasa mereka dalam aspek keagamaan adalah signifikan untuk menjaga identiti agama dalam kalangan rakyat. Hasil kajian ini mendapati bahawa peranan Sultan sebagai Ketua Agama Islam adalah penting dalam membentuk dasar-dasar yang berteraskan nilai-nilai tempatan dan Islamik.

Tuntasnya, kajian mengenai peranan Sultan atau Raja dalam hal ehwal agama Islam di Malaysia telah banyak disentuh dalam penulisan akademik, baik dalam bahasa Melayu mahupun bahasa Inggeris. Kedudukan Sultan sebagai Ketua Agama Islam di negeri-negeri beraja di Malaysia secara menyeluruhnya memberikan mereka kuasa dalam aspek keagamaan seperti pelaksanaan undang-undang syariah, pengurusan institusi agama, dan pembentukan dasar-dasar keagamaan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan tumpuan kepada analisis dokumen dan kajian perpustakaan. Data diperolehi daripada sumber utama seperti Perlembagaan Persekutuan, enakmen pentadbiran agama Islam negeri, dan keputusan mahkamah. Penilaian literatur sekunder seperti artikel jurnal, buku, dan tesis juga dilakukan untuk mendapatkan perspektif menyeluruh tentang peranan Sultan atau Raja dalam hal ehwal agama Islam di Malaysia.

Analisis data dilakukan secara tematik untuk mengenal pasti tema utama seperti kuasa Sultan dalam pentadbiran agama Islam dan hubungan antara kerajaan negeri dan Persekutuan. Pendekatan analisis perundangan turut diterapkan untuk menilai sejauh mana undang-undang dan dasar berkaitan menyokong peranan Sultan dalam perkara melibatkan agama Islam.

Metodologi ini dipilih kerana ia membolehkan penilaian mendalam terhadap sumber perundangan dan literatur yang relevan. Dengan memberi tumpuan kepada dokumen rasmi dan kajian terdahulu, ia memastikan dapatan kajian adalah tepat dan sahih, meskipun terhad kepada data sekunder. Kaedah ini sesuai untuk memahami peranan Sultan dalam sistem perundangan dan pentadbiran agama di Malaysia.

DAPATAN KAJIAN & PERBINCANGAN

Secara dasarnya, peranan Sultan atau Raja yang menyentuh tentang hal ehwal Islam menurut perundangan dapat dikenalpasti berdasarkan sumber perundangan sepertimana berikut:

- i. Perlembagaan Persekutuan
- ii. Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri
- iii. Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Islam Negeri-Negeri
- iv. Kes-kes mahkamah yang telah diputuskan

Berdasarkan kepada analisis kesemua sumber perundangan tersebut, peranan Sultan atau Raja disetiap negeri-negeri, Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan termasuk Yang Di-Pertuan Agong bagi negeri-negeri yang tidak beraja adalah sangat signifikan dan dengan jelas menunjukkan bahawa fungsi yang perlu dilaksanakan merangkumi aspek pentadbiran, pengurusan, pelantikan serta sebagai individu yang mempunyai kuasa mutlak terhadap aspek hal-ehwal Islam bagi setiap negeri yang berada dibawah naungan pemerintahan tuanku. Analisa dapatan adalah sepertimana berikut:

1. Peranan dan Fungsi Sultan, Raja, dan Yang di-Pertuan Agong terhadap Hal Ehwal Agama Islam menurut Perlembagaan Persekutuan

Perlembagaan Persekutuan yang merupakan sumber perundangan tertinggi di Malaysia secara jelas telah memperuntukkan peranan dan fungsi Duli-Duli Tuanku yang menyentuh tentang hal ehwal Islam.

1.1 Berperanan sebagai Ketua Agama Islam

Merujuk kepada Perlembagaan Persekutuan Malaysia, perkara 3(1) memperuntukkan agama bagi persekutuan adalah agama Islam dengan memberikan kebebasan kepada agama lain untuk diamalkan dimana-mana bahagian dalam negara. Namun, bagi merujuk kepada agama Islam sebagai agama persekutuan, Perkara 3(2) telah secara jelas memberikan peranan Yang Di-Pertuan Agong sebagai Ketua Agama Islam bagi seluruh Wilayah Persekutuan merangkumi Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya termasuk negeri-negeri yang tidak beraja iaitu Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak.

Peruntukan yang sama juga mengiktiraf peranan Sultan atau Raja disetiap negeri sebagai Ketua Agama Islam bagi negeri masing-masing. Peranan yang sama juga boleh dilihat jelas dinyatakan dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri-Negeri yang ada disetiap negeri-negeri.

1.2 Peranan menjalankan kuasa dan fungsi sebagai Ketua Agama Islam

Rentetan kepada peranan sebagai Ketua Agama Islam, peranan seterusnya Duli-Duli Tuanku adalah menubuhkan suatu Majlis Agama Islam yang berfungsi sebagai penasihat kepada Duli-Duli Tuanku dalam perkara melibatkan hal-ehwal Islam (Dimon, 2020). Merujuk kepada berikut, Perkara 3 (2) memperuntukkan Sultan, Raja, dan Yang di-Pertuan Agong mempunyai kuasa dan tanggungjawab dalam melantik jawatankuasa serta menubuhkan institusi yang terkait dengan agama Islam, bagi memandu pelaksanaan ibadah, serta memastikan pengurusan institusi agama seperti masjid, wakaf, dan zakat dapat dilaksanakan dengan sempurna.

Kuasa ini juga merangkumi fungsi menyelia dana awam yang digunakan untuk pembangunan institusi agama Islam seperti yang diperuntukkan dalam Perkara 12(2) Perlembagaan Persekutuan.

1.3 Peranan dalam aspek perundangan dan pentadbiran

Dalam konteks kawalan terhadap penyebaran agama lain kepada orang Islam, Perkara 11(4) membolehkan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri menggubal undang-undang untuk menyekat aktiviti tersebut, di mana kuasa pelaksanaannya tertakluk kepada Ketua Agama Islam. Selain itu, Perkara 121(1A) menegaskan pemisahan kuasa antara Mahkamah

Sivil dan Mahkamah Syariah, memberikan Mahkamah Syariah kuasa eksklusif ke atas hal-hal berkaitan undang-undang Islam, di bawah pengawasan Ketua Agama Islam negeri. Sebagai ketua agama Islam, makan peranan Duli-Duli Tuanku adalah berada pada hierarki tertinggi dalam kesemua aspek tersebut.

1.4 Peranan dalam melantik dan menggubal dasar agama Islam

Perkara 38(2) menyebut bahawa Majlis Raja-Raja, yang dianggotai oleh semua Sultan dan Raja, bertanggungjawab terhadap hal ehwal agama Islam di peringkat Persekutuan. Majlis ini memberikan nasihat kepada Yang di-Pertuan Agong dan berperanan dalam menetapkan dasar agama Islam yang mempunyai kesan kepada seluruh Persekutuan. Maka bagi tujuan tersebut, Duli-Duli Tuanku boleh melantik mana-mana individu bagi menasihati baginda yang pada hari ini disebut sebagai ahli Majlis Agama Islam yang terdapat di keseluruhan negeri-negeri di Malaysia.

Maka, secara khususnya dengan merujuk kepada Perlembagaan Persekutuan dalam kesemua perkara-perkara yang telah dinyatakan jelas membuktikan kedudukan Sultan, Raja, dan Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Agama Islam yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan memberikan mereka peranan penting dalam memastikan agama Islam terus dihormati dan dilindungi di Malaysia.

Peranan ini bukan sahaja bersifat simbolik tetapi juga praktikal, terutama dalam pelaksanaan dasar agama dan pengurusan institusi Islam. Dengan kedudukan ini, institusi beraja memainkan peranan penting dalam mengekalkan kesucian, kemuliaan dan kedudukan agama Islam sebagai agama bagi seluruh persekutuan Malaysia.

2. Peranan dan Fungsi Sultan, Raja, dan Yang di-Pertuan Agong terhadap Hal Ehwal Agama Islam Menurut Enakmen dan Akta Pentadbiran Hal Ehwal Islam

Setiap Sultan atau Raja di negeri-negeri yang beraja dan Yang di-Pertuan Agong bagi Wilayah Persekutuan memainkan peranan penting dalam pentadbiran hal ehwal agama Islam. Peranan ini dijelaskan melalui Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Islam Negeri-Negeri dan Akta Pentadbiran Hal Ehwal Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505) bagi Wilayah Persekutuan.

Kedudukan mereka sebagai Ketua Agama Islam bukan bersifat simbolik tetapi menjamin kuasa kepada Duli-Duli Tuanku untuk memastikan pentadbiran agama Islam dilaksanakan dengan sebaiknya secara berkesan mengikut aturan bagi menjaga kemaslahatan umat Islam.

2.1 Ketua Agama Islam

Sepertimana yang telah dinyatakan dalam Perlembagaan Persekutuan iaitu Sultan atau Raja di negeri-negeri beraja, dan Yang di-Pertuan Agong di Wilayah Persekutuan berfungsi sebagai Ketua Agama Islam, peranan yang sama juga telah diperuntukkan dalam setiap enakmen negeri dan Akta 505 (Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Islam Negeri-Negeri dan Akta Pentadbiran Hal Ehwal Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993).

Peranan ini melibatkan kuasa untuk melantik individu ke jawatan penting, termasuk Mufti, Timbalan Mufti, dan ahli-ahli Majlis Agama Islam Negeri. Ketua agama Islam juga berperanan dalam menyelia institusi agama seperti masjid dan pusat pendidikan Islam. Di Wilayah Persekutuan, peranan ini boleh dilihat secara jelas termaktub dalam Seksyen 4(1), Akta 505.

Peranan sebagai Ketua Agama Islam ini juga dapat dilihat secara jelas dengan merujuk kepada Undang-Undang Tubuh Kerajaan bagi Negeri-Negeri termasuk juga rujukan terhadap Enakmen Pentadbiran Agama Islam yang wujud di setiap negeri (Zanariah, 2020). Undang-Undang Tubuh Negeri Selangor 1959, Bab 1, Perkara XLVIII sebagai contoh memperuntukkan sebagaimana berikut:

“Duli Yang Maha Mulia hendaklah menjadi Ketua Agama negeri dan Duli Yang Maha Mulia boleh menyebabkan diperbuat undang-undang bagi maksud mengawal selia hal ehwal

agama dan bagi penubuhan suatu Majlis Agama Islam untuk membantu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia dalam semua perkara yang berhubungan dengan agama Negeri”.

2.2 Kuasa Pentadbiran Hal Ehwal Islam

Sebagai Ketua Agama Islam, Sultan atau Yang di-Pertuan Agong mempunyai kuasa untuk menyelia pengurusan institusi agama, termasuk zakat, wakaf, dan baitulmal (Dimon, 2020). Duli-Duli Tuanku bertanggungjawab terhadap pelantikan jawatankuasa dan pegawai yang berkaitan dengan pengurusan ini, seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 31, Akta 505 dan kesemua enakmen negeri-negeri yang lain. Selain itu, kuasa Duli-Duli Tuanku mencakupi kepada penetapan garis panduan berkaitan pelaksanaan ibadat umat Islam, pengurusan institusi masjid, dan kebajikan masyarakat Islam termasuk muallaf.

2.3 Pengesahan Fatwa

Setiap fatwa yang dikeluarkan oleh Mufti atau Jawatankuasa Fatwa di setiap negeri hanya akan berkuat kuasa selepas mendapat perkenan daripada Sultan atau Raja di setiap negeri yang terbabit atau Yang di-Pertuan Agong diperingkat Wilayah Persekutuan (Najib, 2020). Di Wilayah Persekutuan, peruntukan ini terkandung dalam Seksyen 34 Akta 505, manakala di negeri-negeri lain mempunyai peruntukan yang serupa dalam enakmen masing-masing. Hal ini menegaskan peranan Ketua Agama Islam sebagai individu terakhir yang mempunyai autoriti dengan memberi perkenan terhadap fatwa yang dikeluarkan.

2.4 Penguatkuasaan Undang-Undang Syariah

Sultan atau Yang di-Pertuan Agong turut berperanan dalam menyelia setiap penggubalan dan pelaksanaan undang-undang syariah di negeri masing-masing (Zaini et.al, 2022). Duli-Duli Tuanku mempunyai kuasa untuk meluluskan pindaan terhadap enakmen pentadbiran Islam dan peraturan-peraturan berkaitan mengikut aturan dan prosedur yang ditetapkan dalam enakmen atau Akta.

Kuasa ini memperlihatkan tanggungjawab mereka dalam penubuhan Mahkamah Syariah bagi memastikan undang-undang syariah relevan dan sejajar dengan keperluan semasa umat Islam, seperti yang diperuntukkan dalam Seksyen 40 Akta 505 atau seksyen 55 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2023.

2.5 Pemeliharaan Institusi dan Nilai Islam

Sebagai Ketua Agama Islam, Sultan atau Yang di-Pertuan Agong bertanggungjawab memastikan nilai-nilai Islam diterapkan dalam pentadbiran agama. Duli-Duli Tuanku juga mempunyai tanggungjawab dan kuasa untuk menasihati Majlis Agama Islam Negeri atau Jawatankuasa yang dilantik untuk menjaga keharmonian masyarakat Islam dan rakyat keseluruhannya. Perkara ini jelas termaktub dalam setiap enakmen pentadbiran Islam negeri dan Seksyen 5, 26 dan 31 Akta 505 untuk Wilayah Persekutuan.

2.6 Peranan dalam Majlis Raja-Raja

Sultan dan Yang di-Pertuan Agong turut memainkan peranan penting melalui Majlis Raja-Raja, yang menjadi platform untuk membincangkan isu-isu agama Islam di peringkat kebangsaan. Majlis ini memberi peluang kepada Ketua Agama Islam untuk memberikan pandangan kolektif mengenai dasar-dasar yang berkaitan dengan agama Islam (Muhammad Syazwan Irfan Samsudin, 2024).

Rumusnya, berdasarkan peruntukan dalam Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Islam Negeri dan Akta 505, peranan Sultan, Raja, dan Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Agama Islam amat signifikan dalam memastikan pentadbiran agama Islam berjalan dengan lancar. Kuasa mereka meliputi pelantikan jawatan agama, pengesahan fatwa, pengurusan institusi agama, dan penggubalan undang-undang syariah. Ini menunjukkan kedudukan mereka sebagai penjaga agama Islam yang memainkan peranan penting dalam mengekalkan keharmonian agama dan sosial di Malaysia.

3. Peranan dan Fungsi Sultan, Raja, dan Yang di-Pertuan Agong terhadap Hal Ehwal Agama Islam menurut kes-kes mahkamah di Malaysia.

Dalam memberikan definisi terhadap setiap peruntukan yang merujuk kepada fungsi Duli-Duli Tuanku berhubung agama Islam, pihak yang mempunyai autoriti ialah mahkamah. Melalui fungsi mahkamah sebagai satu-satunya institusi yang berhak untuk membuat keputusan terhadap apa juga isu persoalan undang-undang. Terdapat pelbagai kes yang telah dibicarakan di mahkamah yang menyentuh tentang isu kuasa Duli Tuanku berhubung agama Islam dan perkara yang berkait dengannya.

3.1 Kuasa terhadap Penyelesaian Pertikaian Keagamaan

Dalam kes *Jamaluddin Othman v Menteri Dalam Negeri, Malaysia* [1989] 1 MLJ 369, mahkamah menegaskan bahawa Sultan dan Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Agama Islam mempunyai peranan dalam menasihati pihak berkuasa agama negeri bagi menyelesaikan isu-isu yang melibatkan perbezaan pendapat agama dan akidah. Peranan ini membantu memastikan keharmonian masyarakat Islam dan kestabilan sosial.

3.2 Tanggungjawab terhadap Amalan & Pendidikan Islam

Kes *Meor Atiqulrahman Ishak & Yang Lain lwn. Fatimah Sihi & Yang Lain* [2000] 1 CLJ 393, memperlihatkan bahawa ajaran Agama Islam boleh dipraktikkan dalam perkara berkaitan pendidikan. Sultan atau Raja yang merupakan Ketua Agama Islam menurut perlembagaan mempunyai tanggungjawab untuk mempertahankan maksud Islam sebagai agama rasmi persekutuan yang dalamnya termasuk perkara berkaitan amalan dan Pendidikan Islam.

3.3 Pelantikan dan Pemecatan Pegawai Agama

Dalam kes *Datuk Ismal Yahya* iaitu seorang Ketua Hakim Syarie di Negeri Terengganu, beliau didakwa di Mahkamah Syariah atas tuduhan menghina dan mempertikaikan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) serta arahan Sultan Terengganu berkaitan penstrukturan semula majlis tersebut. Rentetan itu, beliau telah diminta untuk meninggalkan pejabat dan bersara awal walaupun pertuduhan masih belum dilaksanakan.

Hal ini menjelaskan bahawa Sultan sebagai Ketua Agama Islam mempunyai kuasa eksklusif untuk melantik atau memecat pegawai agama termasuk hakim. Keputusan ini mengiktiraf kuasa Sultan dalam menentukan individu yang layak menguruskan hal ehwal agama Islam di negeri masing-masing.

3.4 Peranan dalam Perintah & Hukuman Kesalahan Syariah

Kes *Timbalan Pendakwa Syarie Pahang v Kartika Sari Dewi binti Shukarno* [2010] 1 CLJ 172, menegaskan bahawa kuasa Sultan perlu dilihat dari dua sudut, iaitu apabila pesalah itu membuat permohonan rayuan kepada Sultan dan apabila Sultan sendiri berkenan meringankan hukuman walaupun tidak dirayu oleh pesalah. Dalam hal ini, kuasa dan peranan Sultan atau Raja adalah luas sehingga membolehkan Duli-Duli Tuanku untuk bertindak mengikut budi bicaranya.

3.5 Pengawasan terhadap Tauliah Mengajar & Ceramah Agama

Dalam kes *Kes Fathul Bari Mat Jahya & Anor lwn. Majlis Agama Islam Negeri Sembilan & Ors* [2012] 4 CLJ 717, mahkamah menyentuh isu pengawasan terhadap penyebaran amalan agama dalam persekutuan perlu dilakukan mengikut undang-undang tanpa menimbulkan sebarang isu melalui tauliah daripada pihak berkuasa agama. Maka, peranan Duli-Duli Tuanku sebagai Ketua Agama Islam adalah sejajar bagi tujuan dengan maksud menyelia aktiviti dakwah di negeri masing-masing. Sultan mempunyai tanggungjawab untuk memastikan aktiviti dakwah tidak menimbulkan ancaman kepada kestabilan agama dan sosial.

3.6 Penguatkuasaan terhadap Penganut Ajaran Sesat

Kes Abdul Kahar Ahmad v. Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan; Kerajaan Malaysia & Anor. [2008] 4 CLJ 309 menunjukkan bahawa Sultan mempunyai kuasa untuk mengarahkan tindakan terhadap penganut ajaran sesat melalui Majlis Agama Islam Negeri. Kuasa ini bertujuan menjaga kesucian agama Islam daripada ancaman penyelewengan ajaran. Tuntasnya, keputusan beberapa kes mahkamah di Malaysia seperti yang dinyatakan, jelas menunjukkan bahawa peranan Sultan, Raja, dan Yang di-Pertuan Agong yang lebih komprehensif melibatkan hal ehwal agama Islam.

Selain fungsi hakiki sebagai Ketua Agama Islam, Duli-Duli Tuanku juga berperanan dalam mengawal selia Pendidikan Islam, pelantikan pegawai agama, penyelesaian pertikaian agama, dan pengawalan ajaran serta aktiviti keagamaan. Kuasa yang diberikan kepada ketua agama Islam ini penting untuk memastikan agama Islam terus dilindungi seiring dengan kerangka undang-undang negara.

PENUTUP

Secara keseluruhannya, Sultan, Raja, dan Yang di-Pertuan Agong di Malaysia sememangnya mempunyai fungsi yang signifikan menyentuh tentang agama Islam menjurus kepada beberapa aspek iaitu, pentadbiran, pengurusan, pelantikan pegawai dan individu terkait, penjagaan kesucian agama Islam, fungsi siasatan dan dakwaan serta pendidikan dan fatwa. Perkara ini selaras dengan roh perlembagaan persekutuan itu sendiri yang meletakkan perkara berkait agama Islam berada dibawah bidang kuasa negeri.

Kebijaksanaan dan hikmah Duli-Duli Tuanku dalam memberikan pandangan dan arahan dalam perkara berhubung agama Islam amat diperlukan bagi memastikan kesucian agama Islam dapat dijamin secara berterusan. Sebagai menjamin kesinambungan kepada penjagaan dan pemeliharaan agama Islam, fungsi dan peranan Duli-Duli Tuanku terhadap agama Islam ini harus dipertahankan secara keseluruhannya.

Sebarang kekhilafan dalam memahami peranan Duli-Duli Tuanku terhadap agama Islam, boleh membawa suatu ancaman kepada agama Islam dan penganutnya. Segala usaha dan ruang yang boleh dimanfaatkan, harus digunakan sebaiknya agar kemaslahatan rakyat Malaysia yang majoritinya menganut agama Islam akan sentiasa terjaga dan terpelihara.

PENGHARGAAN

Penulisan ini disokong oleh Geran Penyelidikan Padanan (Matching Grant) dengan nombor rujukan 100-RMC 5/3 SRP INT (019/2022). Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua ahli pasukan serta Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam atas sokongan yang amat berharga sepanjang kajian ini dijalankan.

RUJUKAN

- Abdul Kahar Ahmad v. Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan; Kerajaan Malaysia & Anor. [2008] 4 CLJ 309.
- Ahmad Shazrin Mohamed Azmi, N. R. (2018). *Tinjauan Persepsi Majlis Agama Islam Negeri Terhadap Peruntukan Kerajaan Persekutuan Bagi Pembangunan Tanah Wakaf*. Journal of Muamalat and Islamic Finance Research, 15(2), 125–151.
- Akta Pentadbiran Hal Ehwal Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505).
- Che Pa, B. (2012) *Institusi Raja Dan Peranannya Terhadap Penyebaran Islam Di Alam Melayu Nusantara*. In *Membongkar Rahsia Pendidikan Islam*. Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Brunei.
- Dimon, Z. (2023). *Peranan Raja-Raja Melayu Sebagai Ketua Agama Islam Negeri Dalam Konteks Perundangan Di Malaysia: Analisis Terhadap Isu Pengurusan Masjid Dan Zakat Di Selangor*. Al-Mimbar: International Journal of Mosque, Zakat and Waqaf Management, 18(1), 51–63.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.
- Fathul Bari Mat Jahya & Ors v. Majlis Agama Islam Negeri Sembilan [2012] 4 MLJ 281.

- Jamaluddin Othman v. Menteri Dalam Negeri, Malaysia [1989] 1 MLJ 369.
- Kambol, R. (2024). *Menangani Isu-Isu Sensitif Berkaitan Agama, Bangsa Dan Institusi Raja (3R) Dalam Politik Melalui Pendekatan Undang-Undang: Suatu Penilaian Semula*. *Journal of Law & Governance*, 7(1), 86–104.
- Meor Atiqulrahman Ishak & Yang Lain v. Fatimah Sihi & Yang Lain [2000] 1 CLJ 393,
- Mohamad Hashim, M., & Samuri, M. A. (2017). *Sorotan Literatur Kuasa Sultan Dalam Kehakiman Islam*. *Islamiyyat: The International Journal of Islamic Studies*, 39(1), 11–20.
- Mohd Kamal, M. H. (2007). *Kedudukan Dan Peranan Raja-Raja Dalam Pentadbiran Agama Islam*. In M. Arifin (Ed.), *Pentadbiran undang-undang Islam di Malaysia* (pp. 57–74). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mufti Wilayah Persekutuan. (2002, February 25). *Perbezaan Fatwa Warta Dan Fatwa Tidak Warta*. <https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-hukum/umum/5139-irsyad-al-fatwa-siri-ke-669-perbezaan-fatwa-warta-dan-fatwa-tidak-warta>
- Muhammad Haniff Hassan. (2007). *Explaining Islam's Special Position And The Politic Of Islam In Malaysia*. *The Muslim World*, 97(2), 287–316.
- Muslim, N. (2014). *Institusi Raja-Raja Melayu: Peranannya Dalam Memelihara Kedudukan Islam Dari Sudut Perlembagaan*. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)*, 2(3), 121–127.
- Nasohah, Z., Zakaria, Z., & Mohd Kusrin, Z. (2022). *Cabaran Penyeragaman Undang-Undang Jenayah Syariah Di Malaysia*. *International Journal of Islamic Thought*, 22, 83–95. <https://doi.org/10.24035/ijit.22.2022.248>
- Perlembagaan Persekutuan (Malaysia), art. 3(1), 3(2), 3(5), 11(4), 12(2), 38(2), 71(1), 121(1A).
- Rosele, M. I., Abd Rahim, R. A., & Wan Ali, W. Z. K. (2018). *Peranan Sultan Dalam Perkembangan Islam Di Negeri Pahang*. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 29(1), 51–77. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JPM/article/view/15364>
- Samsudin, M. S. I., Abdul Talib, R., Mohamed, F. A. I., Mohd Radzi, K. A., & Nor Hidayah, N. S. (2024). *Peranan Institusi Raja Dalam Menjamin Keharmonian Agama Dan Kaum Di Malaysia*. *Journal of Islamic Philanthropy & Social Finance (JIPSF)*, 6(2), 95–107. https://doi.org/10.24191/JIPSF/v6n22024_95-107
- Shamrahayu A. Aziz. (2013, Januari 5). *Kedaulatan Islam Sebagai Agama Negara – Peranan Raja-Raja Melayu Berpaksi Perlembagaan Persekutuan*. Kertas kerja Seminar Mendaulatkan Islam Agama Negara, Pertubuhan Muafakat Sejahtera Masyarakat Malaysia (MUAFAKAT) & JAKIM.
- Shuaib, F. S. (2008). *Strengthening Administrative Institutions Of Islamic Law In Malaysia: An Overview*. *Jurnal Syariah*, 16(2), 443–464.
- Timbalan Pendakwa Syarie Pahang v. Kartika Sari Dewi binti Shukarno [2010] 1 CLJ 172.
- Zanariah Dimon. (2020, November 24–25). *Peranan Sultan Sebagai Ketua Agama: Sorotan Isu-Isu Berkaitan Pentadbiran Agama Islam Di Malaysia*. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-5 (PASAK5 2020)* (online).
- Zawawi Ibrahim, I. M. (2020). *Malaysia: A Secular Constitution Under Siege?*. In A. Triandafyllidou & T. Magazzini (Eds.), *Handbook of Religious Diversity* (pp. 282–295). Routledge.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.